

**Beras Jasmine 10 Kg Paling Murah Di Kluang
Bernama
7 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- Portal www.1pengguna.com hari ini menunjukkan beras Jasmine (SST lima peratus) bagi bungkusan 10 kilogram yang dijual di bandar Kluang, Johor, paling murah pada harga RM23.90.

Sementara itu di pasar raya Tesco Extra Cheras, Selangor, beras sama dijual pada harga RM24.95 dan di pasar raya Aeon Jusco Taman Maluri, Cheras, pula berharga RM24.99.

Di tempat-tempat lain di sekitar Kuala Lumpur, harga antara RM25 dan RM26.

Di Sandakan, Sabah, produk itu paling murah di Servay Hypermarket (RM25.50), pasar raya Parkwell (RM26.49) dan Milimewa (RM26.90).

Di Pulau Pinang, beras berkenaan dijual pada harga RM26.99 di pasar raya Tesco.

Di kawasan lain di Johor Baharu, beras itu dijual antara harga RM24.95 dan RM26.

Produk susu Dutch Lady 123 (pek isian semula) dijual pada harga RM6.30 bagi bagi peket 650 gram di Bukit Bendera, Pulau Pinang.

Bagi susu bayi jenama Dumex Dugro 1-3 (rasa asli) 900 gram, pasar raya Econsave Cheras menjualnya pada harga RM17.20, manakala kawasan lain di Kuala Lumpur antara RM19.80 dan RM23.99.

Portal itu juga melaporkan susu sejat penuh krim jenama Ideal (400 gram) paling murah di Kepong iaitu hanya 85 sen, manakala krimer pekat manis bervitamin F&N (500 gram) boleh didapati pada harga RM2.90 di KK Supermarket Taman Sri Endah, Sri Petaling dan RM3.20 di Desa Hartamas.

Portal itu berperanan memberi panduan kepada pengguna untuk merancang perbelanjaan secara bijak dengan membuat perbandingan harga dan mengetahui premis berhampiran yang menawarkan harga berpatutan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019992>